



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/36 (HQ)

### KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN ELEKTRIK PERINGKAT NEGERI PERAK

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** - Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, TNB mendekati orang awam melalui penganjuran Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) Peringkat Negeri Perak pada hari ini yang dirasmikan oleh Ketua Kawasan (Suruhanjaya Tenaga) Negeri Perak, Ir. Nur Alia Za Omar.

Program ini dilaksanakan setiap tahun sejak 2008 dengan mensasarkan guru-guru dan murid-murid sekolah rendah sebagai peserta . Pada tahun 2015, TNB masih mensasarkan kempen ini kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 4 dan 5, seperti tahun 2014 lalu.

Pada tahun ini juga, genap lapan (8) tahun TNB melaksanakan program seumpama ini, di mana lebih 10,000 orang guru dan pelajar daripada hampir 2,000 buah sekolah rendah dan menengah dari seluruh Semenanjung telah mendapat manfaat daripada kempen ini.

Pengurus Besar (Perancangan Penghantaran), Bahagian Penghantaran TNB, Abdul Rahim Omar, dalam ucapan aluannya berkata, kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan, dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik. Perlaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaian.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” tambah beliau.

Berdasarkan statistik kemalangan elektrik yang dikeluarkan Suruhanjaya Tenaga (ST), bagi tahun 2014, sebanyak 64 kes kemalangan elektrik telah berlaku di seluruh Negara. Sebanyak 27 daripadanya adalah kes maut. Manakala 37 lagi kes tidak maut. Antara punca utama kemalangan elektrik tersebut ialah pemasangan dan seggaran yang tidak sempurna serta tidak mematuhi prosedur kerja yang selamat. Menurut statistik ini lagi, Negeri Terengganu mencatatkan peningkatan enam (5) kes kemalangan elektrik pada tahun 2014.

Bagi negeri Perak, berlaku tujuh (7) kemalangan elektrik yang dicatatkan pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak empat (4) kes berbanding tahun 2013 tiga (3) kes dicatatkan.

Turut hadir, Pengurus Besar Negeri (Perak), Bahagian Pembahagian TNB, Y. Bhg. Dato' Ir. Mohd Zahir Md. Nagor.

**Dikeluarkan di Perak, pada 28 Mac 2015**

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Mohd Daud Manap di talian 016-3070880, Mariyana Mohamed Norani di talian 019-7723966